

6 inisiatif mampu kukuhkan ringgit

ISKANDAR PUTERI 6 Dis. - Datuk Seri Najib Tun Razak yakin enam inisiatif yang diperkenalkan oleh Bank Negara minggu lalu membantu mengukuhkan lagi nilai ringgit.

Perdana Menteri percaya, Bank Negara yang lebih mengetahui dasar kewangan negara telah menilai secara teliti dasar kewangan dan kadar tukaran sebelum membuat keputusan berkenaan.

"Saya yakin enam langkah tersebut akan memberi rangsangan kepada pasaran dan boleh mengukuhkan lagi nilai ringgit," katanya semasa ditanya mengenai enam inisiatif yang diumumkan pada Jumaat lalu.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Iskandar Malaysia

di Kompleks Sukan Educity, di sini hari ini.

Mengenai sejauh mana keberkesanan langkah berkenaan untuk mengukuhkan nilai mata wang ringgit, beliau menjelaskan bahawa perkara itu dipengaruhi oleh banyak faktor dalaman dan luaran.

"Soal itu (keberkesanan enam inisiatif) kita kena tengok dahulu sebab ada banyak faktor, dalam dan luaran.

Faktor luaran kita tak dapat kawal, sebab itu kita nak kawal faktor dalaman," katanya.

Antara inisiatif yang diambil oleh Bank Negara dengan kerjasama Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC) bagi mengukuhkan nilai ringgit mulai semalam itu termasuk pengeksport boleh mengekalkan sehingga 25 peratus hasil eksport dalam mata wang asing dan selebihnya

dalam ringgit serta bagi menyelaraskan pelaburan aset dalam mata wang asing, residen dengan pinjaman dalam ringgit adalah bebas untuk melabur dalam pasaran tempatan dan luar pesisir dengan had RM50 juta bagi korporat dan RM1 juta untuk individu.

Dalam pada itu, Najib turut memaklum bahawa Kuala Lumpur dan Singapura akan menandatangani pelaksanaan projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) minggu depan.

"Projek HSR ini kita akan tandatangani minggu depan di Kuala Lumpur.

"Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong ada telefon dan maklumkan kepada saya minta diberi sedikit masa sebab mereka kena beri taklimat dan dapatkan kelulusan daripada Presiden," katanya.